



**BENDERA KITA**  
**JALUR**  
**GEMILANG**

## KANDUNGAN

Pendahuluan	1
Sejarah Jalur Gemilang	3
Lagu Benderaku	6
Lagu Jalur Gemilang	7
Maksud Lambang dan Warna pada Bendera Malaysia	8
Panduan Warna Bendera dan Banner Berdasarkan <i>Pantone Matching System ( PMS )</i>	9
Pemasangan Bendera Pada Kenderaan (Kereta)	10
<i>Banner</i> Jalur Gemilang	12
Terminologi Bendera	15
Ukuran dan Jenis Bendera	16
Ketinggian dan Garis Pusat Tiang Bendera	23
Cara Membuat Bendera	24
Akta Bagi Melindungi Agar Penggunaan Jalur Gemilang Dihormati Dengan Sewajarnya	26
Hak Mengibarkan Bendera	28
Tempat Pemasangan Bendera	29
Hari Pemasangan Bendera	31
Masa Pemasangan Bendera	32

Cara Menghormati Bendera	33
Penggunaan Jalur Gemilang	36
Cara Pelupusan Bendera	38
Susunan Keutamaan Bendera	38
Susunan Pada Hari Biasa dan Hari Kebesaran Persekutuan	41
Susunan Pada Hari Kebesaran Negeri	42
Susunan Kibaran Bendera Persekutuan dengan Bendera Negeri-negeri	43
Susunan Bendera di Persidangan Antarabangsa	44
Susunan Bendera dalam Perarakan	49
Susunan Bendera dalam Kedudukan di Gedung/ Kedai/ Rumah	54
Susunan Bendera dalam Keadaan Bersilang	55
Penentuan Arah Pandangan Pengibaran Bendera	57

## PENDAHULUAN

Bendera adalah lambang kedaulatan sesebuah negara yang berkait rapat dengan semangat patriotik dalam mempertahankan maruah, bangsa, agama dan ibu pertiwi. Bendera juga merupakan lambang kepimpinan, simbol penghormatan, martabat dan kewarganegaraan bagi sesebuah negara. Oleh itu, penggunaan bendera dan penghormatan ke atasnya adalah sebagai satu simbol nasionalisme.

Semua negara di dunia mempunyai bendera iaitu sebidang kain yang diperagakan bagi menunjukkan tanda atau lambang kewujudan sesebuah negara. Biasanya bendera berbentuk empat segi bujur dan mempunyai satu bahagian tepi yang digunakan untuk diikat pada tiang. Maksud asas bendera adalah mengibarkan atau mengapungkan di atas angin.



## 2 | BENDERA KITA JALUR GEMILANG

Bendera Persekutuan Tanah Melayu telah dinaikkan dan berkibar secara rasmi pada 31 Ogos 1957 di Padang Kelab Selangor seiring dengan berkumandangnya Lagu Negaraku yang buat pertama kali juga diperdengarkan kepada umum.

Bendera Malaysia pula yang berkibar pada 16 September 1963 dan mempunyai penambahan 14 jalur dengan penyertaan Sabah, Sarawak dan Singapura di dalam Malaysia. Berpisahnya Singapura dari Malaysia pada tahun 1965 tidak mengubah jumlah 14 jalurnya kerana jalur tersebut diwakili oleh 13 buah negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Pada malam 31 Ogos 1997, Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri ketika itu telah mengumumkan nama bagi Bendera Malaysia sebagai Jalur Gemilang di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.

## SEJARAH JALUR GEMILANG

Penciptaan Bendera Persekutuan Tanah Melayu telah diilhamkan melalui satu pertandingan mereka cipta bendera peringkat kebangsaan pada Mei 1948. Seramai 373 karyawan telah mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut dan telah melalui proses pemilihan serta pertimbangan. Pada 15 November 1949 hanya tiga reka bentuk yang berjaya dipilih ke peringkat akhir.

Reka bentuk seorang arkitek Jabatan Kerja Raya Negeri Johor, Encik Mohamed Bin Hamzah telah mendapat majoriti dan perkenan Mesyuarat Majlis Raja-Raja pada 22 dan 23 Februari 1950.



**Gambar 1** – Pencipta Reka Bentuk Bendera Persekutuan Tanah Melayu

#### 4 | BENDERA KITA JALUR GEMILANG

Walau bagaimana pun reka bentuk bendera tersebut telah dibuat beberapa pindaan iaitu bulan sabit dan bintang yang pada asalnya berwarna putih diganti dengan warna kuning bagi melambangkan warna diraja.



**Gambar 2** – Bendera Persekutuan Tanah Melayu

Pada 26 Mei 1950, buat pertama kalinya bendera Persekutuan Tanah Melayu telah dikibarkan di hadapan Istana Sultan Selangor di Kuala Lumpur. Majlis pengibaran itu dihadiri oleh Sultan Selangor dan Menteri Besar bagi Negeri Perak, Terengganu, Perlis, Kedah dan Negeri Sembilan. Bendera Persekutuan Tanah Melayu telah dinaikkan oleh Sir Henry Gurney iaitu Pesuruhjaya Tinggi British bagi Persekutuan Tanah Melayu.

Jalur Gemilang ialah bendera Malaysia yang mempunyai 14 jalur merah dan putih yang sama lebar bermula dengan jalur merah di bahagian atas dan berakhir dengan jalur putih di bahagian bawah. Jalur Bendera Malaysia melambangkan satu haluan yang lurus, hala tuju dan arah yang sama diikuti oleh rakyat negara ini dalam menuju kegemilangan bangsa dan negara. Jalur Gemilang ini mewakili keanggotaan 13 buah negeri manakala 1 jalur mewakili Kerajaan Persekutuan.

Gemilang pula bermaksud bercahaya terang benderang dan cemerlang. Ia juga melambangkan kecemerlangan negara dan rakyat Malaysia dalam mengharungi suasana kehidupan dengan penuh gigih, taat dan bersatu padu serta boleh menaikkan imej negara di dalam dan di luar negara.

### ***Benderaku***

Bendera ku yang gagah perkasa  
Merah putih kuning biru warnanya  
Berkibar megah penuh bercahaya  
Pusaka kita rakyat Malaysia

Bendera Malaysia oh bendera ku  
Ku pertahankan sepenuh raga ku  
Dikaulah lambang negara berpadu  
Di bawah naungan Duli Tuanku

Berkibar terus oh bendera ku  
Kau kan ku junjung sepanjang waktu  
Harumlah nama negara yang tercinta  
Pada mu tempat taat dan setia

Bendera Malaysia bendera kita  
Kemegahan rakyat kita semua  
Berkibar berkibar di ruang angkasa  
Dirgahayu bendera tercinta.

**Ciptaan dan Seni Kata**

Tony Fonseka

## *Jalur Gemilang*

Merah mu bara semangat waja  
Putih mu bersih budi pekerti  
Kuning berdaulat payung negara  
Biru perpaduan kami semua

Puncak dunia telah kau tawan  
lautan luas telah kau redah  
Membawa semangat jiwa merdeka  
Semarak jaya kami warganya

Empat belas melintang jalurnya  
Semua negeri dalam Malaysia  
Satu suara satu semangat  
Itu sumpah warga berdaulat

Jalur Gemilang...  
di bawah naunganmu  
Jalur Gemilang...  
kami semua bersatu  
Perpaduan ketaatan  
Amalan murni rakyat Malaysia


Jalur Gemilang...  
megah kami terasa  
Jalur Gemilang...  
kibarkanlah wawasan  
Merah putih biru kuning  
Jalur semangat kami semua

Berkibarlah  
Berkibarlah  
Berkibarlah  
Jalur Gemilang!

**Pencipta:** Pak Ngah  
**Penulis Lirik:** Siso Koprata

## MAKSUD LAMBANG DAN WARNA PADA BENDERA MALAYSIA







Setiap lambang dan warna yang terdapat pada Bendera Malaysia mewakili maksud-maksud tertentu. Bahagian yang berwarna biru tua di sebelah kiri melambangkan perpaduan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, bersatu padu dan berusaha dalam memajukan pembangunan ekonomi berasaskan sains serta teknologi moden.



Warna kuning pada lambang anak bulan dan bintang pecah 14 bermaksud kedaulatan Raja Berpelembagaan serta mendokong dan menghormati lunas-lunas perlembagaan dan falsafah Rukun Negara. Lambang anak bulan membawa maksud Islam sebagai agama rasmi negara sementara bintang pecah 14 menunjukkan perpaduan 13 buah negeri dan kerajaan Persekutuan. Merah melambangkan keberanian dan bersedia

dalam menghadapi segala rintangan dan cabaran dalam usaha meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara maju. Warna putih pula melambangkan kesucian, keikhlasan dan kesungguhan bagi mempertingkatkan ketahanan rakyat yang beradab dan berkeperibadian Malaysia.

## PANDUAN WARNA BENDERA DAN *BANNER* BERDASARKAN *PANTONE MATCHING SYSTEM ( PMS )*

Warna Asas	Warna Berdasarkan <i>Pantone Matching System ( PMS )</i>
 C:100 M:100	 199
 M:100 Y:100	 2768
 Y:100	 108

**Jadual 1** –Warna Asas Bendera dan *Banner* Berdasarkan *Pantone Matching System ( PMS )*

## Pemasangan bendera pada kenderaan (kereta)




**Rajah 1**– Pemasangan Bendera untuk Pembesar-pembesar Tertentu

Bendera kereta bagi menunjukkan semangat cintakan negara dan memeriahkan sambutan Bulan Kemerdekaan boleh dikibarkan secara kreatif di tempat-tempat bersesuaian pada kenderaan asalkan pemasangan bendera tersebut tidak membahayakan keselamatan pemandu dan pengguna jalan raya.



Rajah 2 – Pemasangan Bendera Secara Kreatif



Rajah 3 – Pemasangan Bendera yang Membahayakan Keselamatan Pengguna Jalan Raya

## ***BANNER* JALUR GEMILANG**

Akhir-akhir ini pelbagai bentuk *Banner* Jalur Gemilang telah digantung bagi menghias jalan, bangunan dan sebagainya. Keadaan ini telah menimbulkan kekeliruan dalam kalangan orang ramai tentang reka bentuk sebenar *Banner* Jalur Gemilang kerana *banner* tersebut telah direka sendiri mengikut interpretasi masing-masing berdasarkan bendera Jalur Gemilang. Kerajaan telah memutuskan bahawa *Banner* Jalur Gemilang hendaklah mempunyai satu reka bentuk sahaja. Rekabentuk yang telah ditetapkan melalui Surat Pekeliling Bil. 1 Tahun 1990 ialah;

- *Banner* hendaklah membujur dari atas ke bawah dan mempunyai dua bahagian iaitu:

### **Bahagian Atas**


Mengandungi bulan dan bintang berwarna kuning yang menghala ke atas berlatar belakangkan warna biru.

### **Bahagian Bawah**

Mengandungi 14 jalur merah putih membujur dari atas ke bawah. Bentuk ekor di bawahnya adalah berukuran  $\frac{1}{8}$  daripada panjang *banner*.

- Warna yang digunakan hendaklah warna-warna yang sama dengan Jalur Gemilang iaitu merah, putih, biru dan kuning.
- Ukuran biasa bagi *Banner* Jalur Gemilang ialah 12 kaki panjang dan 3 kaki lebar pada nisbah 4:1.

# 14 | BENDERA KITA JALUR GEMILANG




Rajah 4 – Banner Jalur Gemilang

## TERMINOLOGI BENDERA

Bahagian di dalam bendera persekutuan dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti di dalam Rajah 5 iaitu;

- Lebar
- Panjang
- Bahagian Biru Tua
- Bahagian Atas
- Bahagian Bawah
- Kepala
- Ekor



Rajah 5 – Terminologi Bendera


## UKURAN DAN JENIS BENDERA

Bendera mempunyai ukuran standard bergantung kepada tujuan dan di mana hendak dikibarkan. Antara ukuran bendera tersebut adalah;

### Bendera Biasa

Panjang - 183 sm (6 kaki)

Lebar - 91.5 sm (3 kaki)




**Rajah 6** – Ukuran Bendera Biasa

Bendera ukuran ini biasa dikibarkan di bangunan-bangunan, pejabat-pejabat dan juga di rumah kediaman.

**Bendera Rumah**

Panjang - 122 sm (4 kaki)

Lebar - 61 sm (2 kaki)




**Rajah 7 – Ukuran Bendera Rumah**

Bendera ukuran ini dikhususkan untuk dikibarkan di rumah-rumah kediaman dan di dalam pejabat di mana ketinggian tiang-tiang bendera adalah terhad.

**Bendera Sedang**

Panjang - 244 sm (8 kaki)

Lebar - 122 sm (4 kaki)




**Rajah 8 – Ukuran Bendera Sedang**

Ukuran bendera ini digunakan sebagai penutup keranda sebagai tanda penghormatan Negara.

**Bendera Besar**

Panjang - 366 sm (12 kaki)      Lebar - 183 sm (6 kaki)




**Rajah 9 – Ukuran Bendera Besar**

Bendera saiz ini dikibarkan di bangunan kedutaan Negara kita di luar negara. Jika di dalam negara, bendera saiz ini hanya dikibarkan di tempat-tempat tertentu sahaja. Pengibaran Bendera Besar memerlukan ketinggian tiang bendera yang bersesuaian.

**Bendera Meja**

Panjang - 30.5 sm (1 kaki)      Lebar - 15.25 sm (0.5 kaki)




**Rajah 10 – Ukuran Bendera Meja**

Bendera meja yang disangkutkan dengan tiang bendera mini diletakkan di atas meja dan digunakan semasa persidangan, seminar, mesyuarat dan majlis-majlis menandatangani perjanjian.

**Bendera Kereta**

Panjang - 30.5 sm (1 kaki)      Lebar - 15.25 sm (0.5 kaki)



**Rajah 11 – Ukuran Bendera Kereta**

Bendera Kereta dikibarkan di bahagian hadapan kereta sama ada di tengah, sebelah kanan atau sebelah kiri. Penggunaan Bendera Kereta hanya dikhaskan kepada pembesar-pembesar tertentu sahaja, seperti;

- i. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong (Bendera Peribadi).
- ii. Bendera Sultan/Raja/TYT Yang di-Pertua Negeri (Bendera Peribadi)
- iii. Pelawat-pelawat negara asing yang mendapat taraf Tetamu Negara/Kerajaan (Bendera Peribadi atau Bendera negara masing-masing).
- iv. Duta-Duta Negara Asing di Malaysia (Bendera negara masing-masing).
- v. Pegawai-pegawai Angkatan Tentera dan Polis Diraja Malaysia (Bendera Tentera atau Polis Diraja Malaysia).


## Ketinggian dan Garis Pusat Tiang Bendera

Ukuran Bendera	Tinggi (sm)	Garis Pusat (sm)
Bendera Biasa (Luar/ dalam bangunan)	610 (20')	7.6 (3')
Bendera Rumah - Luar bangunan kekal	610 (20')	7.6 (3')
- Dalam bangunan tidak kekal	305 (10')	3.8 (1.5')
Bendera Sedang	915 (30')	7.6 (3')
Bendera Besar	1,220 (40')	15.2 (6')
Bendera Meja	40 (15.75')	1 (3'/ 8')
Bendera Kereta	40 ( 15.75' )	1 (3'/ 8')

**Jadual 2** – Senarai Ketinggian dan Garis Pusat Tiang Bendera


## CARA MEMBUAT BENDERA

Pada asasnya, masyarakat Malaysia mengenali bentuk bendera. Namun masih ramai yang kurang memahami cara membuat jalur gemilang dengan tepat. Kerajaan telah menetapkan ukuran sebenar bagi membuat bendera. Ukuran ini boleh dibesarkan atau dikecilkan tetapi mestilah dalam nisbah 2:1. Cara membuat Jalur Gemilang yang tepat adalah seperti yang digambarkan dalam rajah 12A berikut;



**Rajah 12A** – Cara Membuat Bendera

Panduan warna: Merah (M100 + Y100); biru (M100 + Y100); kuning (Y100); dan putih



**Rajah 12B – Cara Membuat Bendera**  
Panduan warna: Merah (M100 + Y100); biru (M100 + Y100);  
kuning (Y100); dan putih

## **AKTA BAGI MELINDUNGI AGAR PENGUNAAN JALUR GEMILANG DIHORMATI DENGAN SEWAJARNYA**

### **1. Seksyen 3 Akta Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) 1963**

Mana-mana orang yang melanggar Seksyen 3 adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM1,000.

### **2. Akta Lambang Kebangsaan (Kawalan Mempamer) 1949**

(1) Mana-mana orang yang—

(a) mempamerkan mana-mana lambang kebangsaan yang berlawanan dengan Akta ini atau mana-mana syarat mana-mana perintah atau permit yang dibuat atau diberikan di bawah seksyen 5; atau

(b) selaku pemunya, penyewa, penerima pajak, penduduk atau orang yang menjaga mana-mana premis dengan disedarinya membenarkan mana-mana lambang kebangsaan dipamerkan di atas atau dari premis itu atau dalam mana-mana sekolah yang berlawanan dengan Akta ini atau mana-mana syarat mana-mana perintah atau permit yang dibuat atau diberikan di bawah seksyen 5,

melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh—

(i) dalam hal seseorang selain pertubuhan perbadanan, dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi enam bulan atau didenda tidak melebihi lima ratus ringgit atau kedua-duanya;

(ii) dalam hal pertubuhan perbadanan, denda tidak melebihi satu ribu ringgit.

3. Mana-mana individu yang menghina atau melakukan provokasi melampau terhadap bendera Jalur Gemilang yang bertujuan mencemar nama baik atau menghasut juga boleh dikenakan tindakan berdasarkan undang-undang berikut:

Kanun Keseksaan  
Akta Hasutan 1948

*Sumber & Rujukan : Unit Penasihat Undang-Undang Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia*

## **HAK MENGIBARKAN JALUR GEMILANG**

Setiap rakyat berhak mengibarkan Jalur Gemilang dengan syarat mengikut arahan atau panduan yang ditetapkan. Bendera perlu dikibarkan secara tertib sebagai lambang kebesaran dan kedaulatan negara sama ada sewaktu menaikkan atau menurunkannya. Sebelum mengibarkan bendera faktor tempat, masa, saiz bendera, tiang dan susunan bendera sekiranya lebih dari satu jenis bendera perlu diketahui bagi mengelakkan kesalahan protokol mengibarkannya.

Mengikut arahan Jabatan Perdana Menteri melalui Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1994, Pejabat-Pejabat Kerajaan Persekutuan, Badan-Badan Berkanun Persekutuan, Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan Persekutuan diwajibkan mengibarkan Bendera Persekutuan iaitu Jalur Gemilang. Selain itu, orang ramai digalakkan mengibarkan Jalur Gemilang di premis-premis perniagaan, kedai-kedai dan gerai-gerai.

Surat Pekeliling Am Bil 3. Tahun 1994 menetapkan Bendera Persekutuan hendaklah dikibarkan pada hari pejabat biasa dan hari kebesaran Persekutuan dan Negeri-Negeri. Walau bagaimanapun, Jalur Gemilang boleh dikibarkan pada bila-bila masa dan di mana-mana selagi kesesuaian dan kehormatan terhadap bendera terpelihara.

## TEMPAT PEMASANGAN BENDERA

Jalur Gemilang dikibarkan di tempat-tempat seperti berikut:



Kediaman/ Kedutaan



Bangunan (di luar, di dalam dan di atas)



Pejabat



Kapal/ Feri/ Bot



Kereta



Kapal Terbang

## HARI PEMASANGAN BENDERA

Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1994 menetapkan Bendera Persekutuan (Jalur Gemilang) hendaklah dikibarkan pada hari pejabat biasa dan hari Kebesaran Persekutuan dan Negeri. Di peringkat Negeri, ia dikibarkan pada hari seperti:

- Hari Ulang Tahun Keputeraan Rasmi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.
- Hari Kebangsaan
- Lawatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke Negeri-negeri.

Selain itu, Sekolah-sekolah hendaklah mengibarkan bendera pada hari persekolahan.

### **MASA PEMASANGAN BENDERA**

Tradisi mengibarkan bendera adalah dinaikkan dari waktu matahari terbit sehinggalah matahari terbenam iaitu mulai 7.00 pagi hingga 7.00 petang.

Kerajaan Persekutuan telah menetapkan bendera dikibarkan seperti berikut:

- Bangunan-Bangunan Kerajaan Persekutuan - Mengikut waktu pejabat biasa dan dikibarkan terus menerus (overnight) sekiranya hari berikutnya adalah Hari Kebesaran/Cuti Umum yang ditetapkan bendera dikibarkan.
- Sekolah-Sekolah - Mengikut waktu mulanya kelas pertama dan diturunkan selepas kelas terakhir tamat.
- Feri dan Kapal - Dikibarkan sepanjang hari.

## CARA MENGHORMATI BENDERA

### a. Sebagai Lambang Kebesaran dan Kedaulatan Negara

- Jika anda sebagai seorang awam yang memakai Baju Melayu dan bersongkok maka hendaklah berdiri tegak dengan kedua belah tapak tangan diluruskan ke bawah.
- Jika anda seorang awam dan memakai lain-lain pakaian anda juga mestilah berdiri tegak dengan kedua tangan diluruskan ke bawah.
- Jika anda seorang awam yang memakai topi maka topi tersebut mestilah dibuka dan diletakkan ke dada sebelah kiri.



Rajah 13 – Cara Menghormati Bendera

### **b. Sebagai Tanda Berkabung**

Bendera Malaysia dikibarkan separuh tiang sebagai tanda berkabung atas peristiwa-peristiwa tertentu akan dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri bagi pihak kerajaan Persekutuan dan Pihak Berkuasa Negeri bagi negeri-negeri berkenaan. Terdapat beberapa situasi atau peristiwa yang melibatkan pengibaran bendera separuh tiang antaranya:

- Kemangkatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.
- Kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dan Raja Permaisuri.
- Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri dan isteri-isteri.
- YAB Perdana Menteri/Pemangku Perdana Menteri



**Gambar 3 –**  
Pemasangan Bendera  
Separuh Tiang

### c. Sebagai Tanda Menghormati Jenazah

Bendera Malaysia boleh digunakan untuk menutup keranda di dalam Istiadat Pengebumian Negara. Penggunaannya adalah sebagai satu tanda penghormatan terakhir negara terhadap individu berkenaan yang telah berjasa kepada negara. Selain daripada itu, bendera Malaysia juga boleh digunakan untuk menutup keranda individu-individu berikut:

- Duta-duta Malaysia yang meninggal di luar negara.
- Anggota tentera dan polis yang meninggal semasa bertugas; dan
- Membawa pulang jenazah rakyat Malaysia yang meninggal dunia di luar negara yang ditentukan oleh kerajaan.



**Gambar 4** – Bendera Sebagai Tanda Menghormati Jenazah

## PENGGUNAAN JALUR GEMILANG

Bendera adalah lambang kedaulatan negara. Beberapa peraturan perlu dipatuhi bagi memastikan bendera digunakan dengan cara yang betul dan bersesuaian. Jika perkara yang sebaliknya berlaku seolah-olah perbuatan ini suatu penghinaan kepada bendera walaupun pada pandangan umum sahaja.

Berdasarkan Seksyen (3) Akta 414, Akta Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tak Wajar) 1963 menyebut bahawa seseorang yang menjual atau menggunakan Jalur Gemilang atau apa-apa tiruan yang serupa dengannya bagi tujuan perdagangan dan perniagaan atau menggunakannya di dalam cap dagangan tanpa mendapat keizinan bertulis Menteri boleh didakwa.

Jabatan Perdana Menteri telah menetapkan beberapa garis panduan agar penggunaan Jalur Gemilang sentiasa dihormati oleh rakyat Malaysia. Antaranya:

- i. Bendera hendaklah dipasang secara melintang sahaja. Tidak boleh dipasang secara menegak sekiranya berkedudukan statik atau tidak berkibar. Walaubagaimanapun dibolehkan memasang secara

menegak sekiranya bendera disambung dalam kuantiti yang banyak (*Flagline*).

- ii. Penggunaan bendera dalam bentuk pelbagai seperti pakaian dan sebagainya perlu dielakkan kecuali semasa sambutan Bulan Kemerdekaan dan jangka masa penggunaannya adalah terhadap.
- iii. Tidak boleh menggunakan bendera dalam perkara yang ditafsirkan sebagai merendahkan martabat Jalur Gemilang seperti alas meja, kain tudung, payung, songkok, topi, tuala mandi, alas kusyen dan sebagainya.
- iv. Penggunaan bendera dalam pelbagai gaya dan bentuk seperti iklan dalam tujuan mempromosi sambutan Bulan Kemerdekaan dibenarkan asalkan kreativiti tersebut tidak ditafsirkan sebagai menghina bendera.
- v. Mengibarkan bendera yang telah uzur seperti telah pudar warna dan koyak adalah satu kesalahan atau ketidakwajaran.

## CARA PELUPUSAN BENDERA

Bendera yang telah pudar warna, koyak dan seumpamanya tidak boleh dikibarkan kerana dianggap sebagai bendera yang uzur. Pengibarannya menunjukkan rasa tidak hormat kepada bendera tersebut. Bendera yang sedemikian tidak boleh dibuang di dalam tong sampah sebaliknya perlu dimusnahkan dengan cara yang sopan seperti dibakar secara tertutup dan bukan dilakukan di tempat-tempat awam.



**Gambar 5 – Bendera Yang Perlu Dilupuskan**

## SUSUNAN KEUTAMAAN BENDERA

Susunan Keutamaan Bendera Persekutuan dan Negeri-negeri ditentukan mengikut susunan kekananan DYMM Raja-Raja Melayu dan TYT Yang di-Pertua Negeri seperti yang termaktub dalam Perkara 70 Perlembagaan Persekutuan. Susunan keutamaan bendera terkini adalah seperti berikut:

Susunan Keutamaan Bendera Malaysia, Negeri-Negeri Dan Wilayah Persekutuan:

- |  |                 |   |   |
|--|-----------------|---|---|
| 1.    | Malaysia        | 9.     | Perak                                     |
| 2.    | Kedah           | 10.    | Kelantan                                  |
| 3.   | Pahang          | 11.   | Pulau Pinang                              |
| 4.  | Terengganu      | 12.  | Melaka                                    |
| 5.  | Perlis          | 13.  | Sabah                                     |
| 6.  | Selangor        | 14.  | Sarawak                                   |
| 7.  | Negeri Sembilan | 15.  | Wilayah Persekutuan                       |
| 8.  | Johor           | 16.  | Bendera Jabatan/<br>Institusi/ Universiti |


Hanya Jabatan dan Agensi Kerajaan yang tertentu sahaja mempunyai bendera Jabatan/Agensi contohnya Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Penjara, Angkatan Tentera, PDRM dan sebagainya.

\* Susunan kekananan DDYMM Raja-Raja dan TTYT Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri yang terkini adalah berkuatkuasa pada 13 Disember 2016 dan sebarang perubahan mengenai susunan kekananan ini boleh diperolehi daripada *website* Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja.

1. Bendera Persekutuan – Jalur Gemilang
2. Bendera Negeri-Negeri – Susunan mengikut kekananan DDYMM Raja-Raja, Pemangku Raja dan TYT Yang di-Pertua Negeri.
3. Bendera Wilayah Persekutuan – Susunan keutamaan mengikut tarikh diwujudkan Wilayah tersebut.
4. Bendera Jabatan dan Agensi Kerajaan.
5. Bendera Syarikat.


## SUSUNAN PADA HARI BIASA DAN HARI KEBESARAN PERSEKUTUAN

Jika hanya dua bendera dikibarkan di majlis peringkat Persekutuan yang diadakan di dalam negeri, susunannya adalah seperti berikut:



(Pandangan dari luar bangunan)

Rajah 14 – Susunan Bagi Dua Tiang Bendera




(Pandangan dari luar bangunan)

Rajah 15 – Susunan Bagi Tiga Tiang Bendera

## SUSUNAN PADA HARI KEBESARAN NEGERI


Jika terdapat hanya dua bendera dikibarkan pada majlis peringkat negeri, susunannya adalah seperti berikut:



(Pandangan dari luar bangunan)

Rajah 16 – Susunan Bagi Dua Tiang Bendera

Jika terdapat tiga bendera dikibarkan di majlis peringkat negeri, susunannya adalah seperti berikut:




(Pandangan dari luar bangunan)


Rajah 17 – Susunan Bagi Tiga Tiang Bendera

## SUSUNAN KIBARAN BENDERA PERSEKUTUAN DENGAN BENDERA NEGERI-NEGERI

Bendera-bendera yang dikibarkan secara sebaris dan keutamaannya bermula dari kiri ke kanan seperti ditunjukkan dalam rajah berikut:




**Rajah 18** – Pengibaran Bendera Persekutuan dan Negeri-negeri Secara Sebaris



**Rajah 19** – Pengibaran Bendera Persekutuan dan Negeri-negeri Secara Sebaris dan Kekananan Bermula di Tengah


Bagi bendera-bendera yang dikibarkan dengan cara dibahagikan dua belah dan keutamaannya bermula dari dalam ditunjukkan seperti berikut:




**Rajah 20** – Pengibaran Bendera Persekutuan dan Negeri-negeri Secara Dibahagi Dua

## SUSUNAN BENDERA DI PERSIDANGAN ANTARABANGSA


Di persidangan antarabangsa, bendera-bendera hendaklah dikibarkan atau disusun mengikut susunan abjad nama negara-negara berkenaan dan seperti yang telah ditetapkan oleh pertubuhan berkenaan, jika ada.




**Rajah 21** – Pengibaran Cara Sebaris




Rajah 22 – Susunan Bendera Mengikut Abjad Nama-nama Negara di Atas Meja




Rajah 23 – Susunan Bendera Semasa Seminar



Rajah 24 – Susunan Bendera Mengikut Keutamaan Semasa Mesyuarat



Rajah 25 – Susunan Bendera Semasa Majlis Perundingan/Perbincangan Dua Negara



Rajah 26 – Susunan Bendera Dalam Acara Sukan

## SUSUNAN BENDERA DALAM PERARAKAN

- i. Sekiranya bendera diarak secara berbaris, Jalur Gemilang hendaklah mendahului bendera-bendera lain.



Rajah 27 – Susunan Bendera Secara Sebaris Dalam Perarakan

- ii. Jika bendera diarak secara sederet, Jalur Gemilang hendaklah diletakkan di tengah-tengah di antara bendera-bendera yang lain ataupun berada di hadapan sedikit dari bendera-bendera lain.



**Rajah 28** – Susunan Bendera Secara Sederet Dalam Perarakan




- iii. Jika Bendera Terbentang, bendera dibawa berarak secara terbentang, bahagian kepala bendera hendaklah diusung mendahului perarakan sama seperti jika ianya dibawa dengan tiang bendera.




Gambar 6 – Bendera Terbentang

- iv. Apabila bendera Malaysia dipamerkan atau dilukis pada dinding, tembok bangunan atau objek yang statik, bahagian Bulan Bintang atau kepala bendera hendaklah terletak di sebelah kiri, dipandang dari hadapan.



**Rajah 29** – Kedudukan Bendera Pada Dinding

- v. Apabila bendera Malaysia dibentangkan di belakang tempat berucap, ia mestilah dibentangkan terkeatas dan di belakang orang yang berucap.




**Rajah 30** – Kedudukan Bendera di Tempat Berucap

- vi. Apabila dua atau lebih bendera dipamerkan di dinding, keutamaan hendaklah diberikan kepada bendera Malaysia. Susunannya sama seperti susunan mengibarkan bendera Malaysia dan negeri-negeri. Di majlis-majlis sempena lawatan negara/rasmi jika bendera negara pelawat dan bendera Malaysia dipamerkan, kedudukan bendera negara pelawat ialah di sebelah kiri, dipandang dari hadapan.



INDONESIA




MALAYSIA

**Rajah 31** – Kedudukan Dua Bendera Ketika Dipamerkan di Dinding

## SUSUNAN BENDERA DALAM KEDUDUKAN DI GEDUNG/KEDAI/RUMAH


Susunan bendera Malaysia di gedung kedai/rumah hendaklah dikibarkan pada tiang yang dicondongkan ke arah jalan raya. Di deretan gudang/kedai pula, jika dua bendera dipasangkan di dalam Wilayah Persekutuan maka bendera Malaysia mestilah dikibarkan di sebelah kiri dan bendera yang satu lagi sebelah kanan pada tiang yang dicondongkan ke arah jalan raya.



Rajah 32 – Susunan Bendera di Gedung/Kedai/Rumah


## SUSUNAN BENDERA DALAM KEADAAN BERSILANG

Susunan bendera dalam keadaan bersilang. Dalam keadaan bendera Malaysia diletakkan bersilang, bendera Malaysia hendaklah diletakkan di sebelah kiri dan di atas bendera yang lain.



**Rajah 33** – Susunan Bendera Dalam Keadaan Bersilang


Jika bendera Malaysia diletakkan di dalam satu kumpulan bendera negeri dan bendera swasta, bendera Malaysia hendaklah dikibarkan di tengah-tengah di antara dua bendera dan tiangnya diletakkan terkeatas dari bendera yang lain. Bendera negeri diletakkan di sebelah kiri manakala bendera swasta di sebelah kanan.



**Rajah 34** – Susunan Dalam Keadaan Bersilang Tiga

## PENENTUAN ARAH PANDANGAN PENGIBARAN BENDERA

Penentuan arah pandangan pengibaran bendera adalah pandangan dari luar bangunan memandangi ke arah bangunan. Penentuan ini adalah selaras dengan peraturan sedia ada bagi beberapa negara di dunia, Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia. Arah pandangan bendera adalah seperti berikut:



**Rajah 35** – Susunan Bendera. Pandangan Dari Luar Bangunan



**Diterbitkan oleh:**



**KEMENTERIAN KOMUNIKASI  
DAN MULTIMEDIA**



**Diterbitkan oleh:**

**Bahagian Penerbitan Dasar Negara**

**Jabatan Penerangan Malaysia**

**Kementerian Komunikasi dan Multimedia**

**[www.penerangan.gov.my](http://www.penerangan.gov.my) / <http://pmr.penerangan.gov.my>**

**E-mel: [webmaster@inform.gov.my](mailto:webmaster@inform.gov.my)**

**B.013 (B.M) JUN 2017 (050.)**

**CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008,  
CERT. NO. : MY-AR 5240**

